

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : SENATOR DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.**  
**IBRAHIM**  
**TARIKH : 19 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meneliti penggunaan semula kad fizikal lesen memandu dengan mengambil kira desakan dan rungutan dari rakyat apabila menghadapi masalah di luar negara mengenai lesen memandu digital yang tidak diterima pakai oleh negara luar mengikut standard piawaian antarabangsa.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Berhormat sedia maklum, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengumumkan inisiatif pendigitalan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang melibatkan Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau Cukai Jalan dan Lesen Memandu Malaysia (LMM) pada 10 Februari 2023. Inisiatif ini telah dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama melibatkan mod paparan digital e-LKM dan e-LMM bagi **kenderaan persendirian individu (Warganegara) sahaja**, yang boleh diakses melalui Portal Awam JPJ atau Aplikasi *Mobile MyJPJ*.
2. Peralihan ini masih di fasa pertama iaitu melibatkan kumpulan sasar warganegara Malaysia yang mendapat lesen **bagi penggunaan pakai dalam negara**. Orang ramai masih diberi pilihan untuk mendapatkan lesen secara fizikal di mana-mana cawangan JPJ yang berdekatan. Namun begitu, JPJ memberikan rebat sebanyak RM5 (Lima Ringgit Malaysia) bagi pilihan cetakan DIGITAL di semua saluran termasuk MyJPJ. Promosi rebat ini sebagai satu inisiatif menggalakkan kempen digitalisasi, dan pelanggan JPJ hanya layak mendapat rebat bagi sekali transaksi pembaharuan sahaja.
3. Bagi warganegara Malaysia yang berhasrat ke luar negara, kad LMM fizikal boleh dipohon di cawangan JPJ beserta mendapatkan Permit Pemanduan Antarabangsa (IDP) yang diterima pakai di negara-negara penjanji Konvensyen Geneva 1949.
4. Pelaksanaan pendigitalan LKM dan LMM ini mendapat pelbagai reaksi daripada orang awam mengambilkira ianya adalah sesuatu yang baharu dan memberi kesan secara langsung kepada orang awam. Secara keseluruhannya, inisiatif pendigitalan JPJ ini mendapat sambutan dan penerimaan yang baik daripada rakyat berdasarkan muat turun aplikasi MyJPJ di semua gudang penyedia perkhidmatan digital (*Google Play, Apple Store* dan *Huawei Store*). Setakat **Oktober 2024**, sejumlah **13.7 juta** pengguna telah memuat turun aplikasi MyJPJ dan sebanyak lebih **10.7 juta** pendaftaran JPJeID telah dibuat oleh pengguna sejak

diperkenalkan pada Februari 2023.

5. Dalam hubungan ini, pihak MOT serta JPJ telah mengambil langkah proaktif bagi menangani sebarang isu yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan ini. MOT melalui JPJ akan terus mempergiatkan advokasi serta kempen bagi meningkatkan kesedaran dalam inisiatif pendigitalan JPJ.

Sekian, terima kasih.